

20/11/1997

Nasib Mahathir, Jason berbeza di Hanoi

HANOI: Kejohanan Badminton Terbuka Vietnam yang bermula semalam menyaksikan pemain perseorangan tunggal Malaysia, Mahathir Mustaffa mendapat kemenangan mudah pusingan pertama.

Mahathir bermula agak gugup tapi selepas itu mendapat rentak cemerlang untuk mengalahkan pemain Thailand tidak dikenali, Sirachai Panpatchara 15-10, 5-4 di Stadium Tertutup Hanoi.

Jason Wong, seorang lagi pemain perseorangan yang disenaraikan untuk Terbuka Vietnam, peringkat akhir sirkit badminton sebelum Kejohanan Grand Prix Dunia di Jakarta bulan depan, menarik diri kerana kecederaan.

Bagi pasangan negara, Cheah Soon Kit dan Yap Kim Hock yang masih belum pulih sepenuhnya daripada cedera, kejohanan itu adalah perlawanan antarabangsa kedua mereka selepas Terbuka Thailand.

Sebelum itu Kim Hock menjauhkan diri daripada sinario badminton sejak Mei kerana cedera. Katanya, dia akan cuba sedaya upaya tetapi tidak boleh bermain dengan kecergasan 100 peratus kerana sudah lama tidak bermain.

Pasangan pilihan itu yang kini menduduki ranking ke-13 dunia, hanya akan bermain hari ini bertemu dengan pemenang perlawanan antara Le Dai Thang-Tran Duc Sang dari Vietnam dan pasangan Singapura, Patrick Lau-Zhao Jianhua.

Dengan hanya lima pemain, termasuk perseorangan wanita Woon Sze Mei, pasukan Malaysia ke kejohanan lima hari itu adalah antara paling sedikit.

Pengurus pasukan, Mahizan Mustaffa, berkata pasukan itu mempunyai semangat juang tinggi walaupun terpaksa mengalami perubahan pemakanan dan cuaca sejuk di utara Vietnam.

"Mereka berjanji akan memberikan yang terbaik dan kita bolehlah harapkan begitu," katanya.

Terbuka Vietnam membariskan beregu utama dunia seperti pasangan nombor dua dunia, Lee Dong Soo-Yoo Yong Sung dari Korea Selatan, Indonesia yang menghantar pasukan 31 pegawai dan pemain akan mengetengahkan pasangan nombor empat dunia, Ricky Subagja-Rexy Mainaky dan pemain perseorangan wanita Susi Susanti yang sekarang menduduki nombor tiga dunia.

Perdana Menteri Pha Van Kai merasmikan kejohanan itu yang menurut pihak penganjur disertai 100 pemain 14 negara, termasuk China, Sweden dan Korea Selatan. - Bernama

(END)